



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 3 JANUARI 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MOHAMAD SABU BERI KOMITMEN, BAWA ISU KE MESYUARAT, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	MAFS SERAH BANTUAN RM100,000 KEPADA PNK KOTA KINABALU, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
3.	PESAWAH DI PANTAI TIMUR TERIMA BANTUAN KHAS BERNAS 16 JANUARI, BH -ONLINE	
4.	PENJELASAN MAT SABU KENAPA PUNCA HARGA TELUR DAN AYAM MENINGKAT BERGANDA BUAT RAMAI BERDEKAH, LIMAU ASAM BOI -ONLINE	
5.	KERAJAAN MULA SALUR BANTUAN RM10 JUTA BERNAS, SUARA PAKATAN DAILY -ONLINE	
6.	TARIKH BAYARAN BANTUAN KHAS BERNAS RM250 BUAT SETIAP PESAWAH DI MALAYSIA, EDU BESTARI -ONLINE	
7.	TELUR: PROGRAM INTERVENSI FAMA SEHINGGA JUN INI, DALAM NEGERI, UM -7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	PEKEBUN DI CAMERON HIGHLANDS BIMBANG, HASIL STRAWBERI MEROSOT, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	LAIN-LAIN
9.	TIGA TAHUN TAK UNTUNG SEBAB HARGA DEDAK MELAMBUNG, UM -ONLINE	
10.	DEDAK TEMPATAN BOLEH BANTU TURUN HARGA AYAM, UM -ONLINE	
11.	KAWALAN HARGA PUNCA TELUR, GULA, MINYAK MASAK DAN TEPUNG SELALU KURANG, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
12.	REDA 48 SARANG KELULUT DIHANYUT BAH, LOKAL, HM -9	
13.	PERKASA SOSIEKONOMI, PENDIDIKAN BELIA INDIA, FORUM, UM -19	
14.	NOTA: ISU TELUR DAN LAISSEZ-FAIRE, NASIONAL, HARAKAH -H3	
15.	TIADA PERUBAHAN: MASALAH TELUR, AYAM PUN TAK MAMPU SELESAI, NASIONAL, HARAKAH -H4	
16.	BEKALAN TELUR, MINYAK MASAK PEKET MASIH TIDAK CUKUP, NEGARA, KOSMO -16	
17.	BEKALAN TELUR, MINYAK MASAK RESAHKAN PENIAGA, NASIONAL, BH -20	
18.	PETANI RUGI RM100,000 PADI DITENGGELAMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -32	
19.	GREENHOUSE PROVIDES THERAPY, SOURCE OF INCOME TO STUDENTS WITH CEREBRAL PALSY, NEWS, THE STAR -4	
20.	MINI BUDGET AND EGG, RICE AND MEAT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	

UKK MAFS

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

## CPTPP | Mohamad Sabu beri komitmen, bawa isu ke mesyuarat Kabinet



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu memberi jaminan akan membawa isu Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang memberi kesan kepada sektor pertanian negara untuk perhatian Kabinet. Menurut Ketua Koordinator Forum Kedaultan Makanan Malaysia (FKMM), Nurfitri Amir Muhammad, jaminan itu

dinyatakan Mohamad dalam pertemuan bagi menyerahkan memorandum FKMM pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>3/1/2023</b>	<b>UTUSAN BORNEO</b>	<b>ONLINE</b>	

## MAFS serah bantuan RM100,000 kepada PNK Kota Kinabalu



SERAH: Chan (dua kiri) menyerahkan replika cek kepada PNK Kota Kinabalu ketika dalam lawatan berkenaan.

KOTA KINABALU: Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Kinabalu menerima bantuan sejumlah RM100,000 daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

Timbalan Menterinya Chan Foong Hin menyerahkan 'Mock Cheque' berkenaan sebagai bantuan pembinaan Jeti Kampung Lobong separa konkrit untuk manfaat lebih 350 orang penduduk Kampung Lobong.

Chan yang juga Ahli Parlimen Kota Kinabalu menyempurnakan penyerahan itu ketika mengadakan Lawatan Kerja Rasmi seterusnya merasmikan Program Jiwa Murni bersama Nelayan di Pulau Gaya, hari ini.

Turut hadir adalah Pengarah Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Hamdan Mamat, Pengarah LKIM Negeri Sabah, Mohd Jamil Abdullah serta pegawai dan kakitangan LKIM.

Dalam lawatan kerja yang sama juga, Chan juga menyerahkan bantuan sebanyak RM10,000 menggunakan peruntukan Tabung Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan serta bakul makanan kepada enam orang nelayan Pulau Gaya yang terjejas akibat kejadian ribut baru-baru ini.

MAFS dan LKIM sentiasa berusaha dan komited untuk membantu meringankan beban yang ditanggung golongan sasar nelayan seterusnya nelayan terjaga memastikan kebajikan dan keselamatan selain memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa juar keadaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Pesawah di Pantai Timur terima bantuan khas BERNAS 16 Januari



PUTRAJAYA: Pesawah di Kelantan, Terengganu dan Pahang akan menerima [Bantuan Khas Padiberas Nasional Berhad \(BERNAS\)](#) bagi 2022 berjumlah RM10 juta yang akan disalurkan selewat-lewatnya 16 Januari ini.

Mereka menjadi kumpulan pertama menerima bantuan berkenaan selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada awal bulan ini, berkata kerajaan mengarahkan BERNAS menyalurkan peruntukan RM10

juta kepada pesawah miskin bulan ini dan RM50 juta tahun hadapan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu, berkata MAFS dan agensi di bawahnya sedang memuktamadkan senarai nama dan nombor akaun pesawah di ketiga-tiga negeri bagi memastikan proses penyaluran berjalan lancar.

"Seramai 20,598 pesawah akan menerima manfaat daripada sumbangan BERNAS berjumlah RM250 bagi setiap pesawah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata pesawah di negeri lain akan menerima baki bantuan khas BERNAS berjumlah RM50 juta yang akan disalurkan secara berperingkat.

Pada awal Disember, media melaporkan, Kerajaan Persekutuan mengarahkan BERNAS menyalurkan peruntukan RM10 juta kepada pesawah miskin bulan ini dan RM50 juta tahun hadapan.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, ia dilakukan untuk kepentingan rakyat dan pesawah miskin termasuk di Kedah dan bukan bertujuan merobohkan empayar perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.

Katanya, langkah yang diambil Kementerian Kewangan itu bertujuan mencari jalan penyelesaian dan Syed Mokhtar sendiri bersetuju selepas rundingan diadakan dan persetujuan itu dicapai susulan teguran beliau berhubung permasalahan monopoli import beras di negara ini.

Isu monopoli BERNAS dibincangkan pada Mesyuarat Khas Jemaah Menteri pertama pada 5 Disember lalu selepas Anwar mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ke-10 dengan kerajaan berpandangan BERNAS perlu mengambil tanggungjawab pembangunan sosioekonomi lebih besar dan berkesan pada masa depan.


Perdana Menteri kemudian memaklumkan, BERNAS bersedia menyumbang RM10 juta tahun ini dan RM50 juta tahun depan untuk petani miskin dan kerajaan akan meneliti keuntungan syarikat itu sebelum membuat keputusan selanjutnya.

Pada akhir 2020, kerajaan menyambung konsesi BERNAS sebagai pengimpor dan pengedar tunggal beras negara buat kali ketiga selama 10 tahun mulai 11 Januari 2021 sehingga 10 Januari 2031 dengan terma perjanjian dikemas kini serta penambahan tanggungjawab sosial untuk syarikat terbabit.

**BERNAS** ditubuhkan bagi menggantikan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) pada 1996 dengan tanggungjawab memastikan keterjaminan bekalan beras negara yang menjadi makanan ruji rakyat Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	LIMAU ASAM BOI	ONLINE	

## Penjelasan Mat Sabu kenpa punca harga telur dan ayam meningkat berganda buat ramai berdekah



KUALA LUMPUR : Kenaikan harga ayam dan telur yang agak tinggi berpunca daripada faktor makanan ayam itu sendiri yang turut mengalami peningkatan yang mendadak.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, faktor makanan yang diimport juga menyebabkan berlaku peningkatan berganda.

Advertisement

“Meskipun harga ayam agak stabil tetapi masih belum berada pada tahap memuaskan dan antara puncanya kerana harga makanan ayam itu kerana ianya diimport dan bahan import juga naik berganda.

“Kita cari jalan supaya harganya itu agak seimbang dan kerana itulah kita perkenalkan subsidi kepada ayam dan telur supaya dapat wujudkan harga yang berpatutan,” katanya ketika program Agenda AWANI pada Jumaat malam.

Selain itu, Mohamad turut memberitahu, wujud permasalahan lain seperti kekurangan pekerja mengakibatkan bekalan telur ayam turut mengalami kekurangan.

Jelasnya, kerajaan juga telah mengadakan perbincangan bagi memastikan kemasukan pekerja luar dapat dipermudahkan bagi membantu pengusaha yang terjejas.

“Kabinet dalam minggu lepas telah pun membuat satu keputusan supaya dipermudahkan kemasukan pekerja supaya penternak yang mengadu hal kekurangan pekerja ini dapat kita tumpung segera.

“Jika ada pekerja yang mencukupi, penternak boleh keluarkan 500,000 biji telur sehari namun jika sebaliknya, pengeluaran hanya mampu dibuat sekitar 300,000 biji sehari,” katanya lagi.

Mohamad dalam masa sama menyatakan, kementeriannya akan turut menumpukan soal bekalan makanan yang mencukupi selain turut memastikan harga yang berpatutan bagi memanfaatkan rakyat di negara ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	SUARA PAKATAN DAILY	ONLINE	

## Kerajaan mula salur bantuan RM10 juta BERNAS



Bantuan Khas Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) berjumlah RM10 juta bagi tahun 2022 bakal disalurkan secara berperingkat mulai awal tahun 2023.

Hal itu dinyatakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu dalam satu kenyataan.

“Bantuan khas BERNAS sebanyak RM10 juta bagi tahun 2022 ini akan diberikan kepada tiga buah negeri di

Pantai Timur terlebih dahulu iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang.

“Manakala pesawah di negeri-negeri lain akan menerima apabila baki bantuan khas BERNAS berjumlah RM50 juta disalurkan,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Mohamad, pesawah di tiga buah negeri terbabit akan menerima bantuan khas tersebut selewat-lewatnya pada 16 Januari depan.

“MAFS dan agensi di bawahnya sedang memuktamadkan senarai nama dan nombor akaun pesawah di ketiga-tiga negeri bagi memastikan proses penyaluran berjalan lancar.

“Seramai 20,598 pesawah akan menerima manfaat daripada sumbangan BERNAS ini yang berjumlah RM250 bagi setiap pesawah,” katanya.

Pada awal Disember lalu, BERNAS bersetuju dengan permintaan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya disediakan peruntukan sebanyak RM60 juta bagi membantu pesawah di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	EDU BESTARI	ONLINE	

## Tarikh Bayaran Bantuan Khas BERNAS RM250 Buat Setiap Pesawah Di Malaysia

Jan 2, 2023 — 1,337 reads Jan 2, 2023

INFO



Berita baik buat pesawah di seluruh Malaysia! Bantuan Khas Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) berjumlah RM10 juta bagi tahun 2022 akan disalurkan secara berperingkat kepada pesawah. Pemberian diumumkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), YB Tuan Haji Mohamad Sabu.

Seperti dimaklumkan, Bantuan khas BERNAS sebanyak RM10 juta bagi tahun 2022 ini akan diberikan kepada tiga buah negeri di Pantai Timur terlebih dahulu. Manakala pesawah di negeri-negeri lain akan menerima apabila baki bantuan khas BERNAS berjumlah RM50 juta disalurkan.

Ikuti perkongsian di bawah untuk maklumat lanjut dan tarikh bayaran bantuan khas BERNAS.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

# Telur: Program intervensi FAMA sehingga Jun ini

**PETALING JAYA:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan meneruskan program mengedarkan telur di pasaran sehingga keadaan kembali pulih.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, ia disalurkan ke 534 cawangan pasar tani, agro bazar kedai rakyat dan menerusi pelbagai program pemasaran yang dijalankan di seluruh negara.

Jelasnya, FAMA akan meneruskan intervensi itu sehingga Jun ini bagi fasa pertama dan melihat keadaan semasa terlebih dahulu sama ada bekalan sudah kembali pulih atau memerlukan usaha itu diteruskan.

“Untuk FAMA ketika ini, kami hanya fokus kepada telur yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan dan kita membeli di tiga tempat utama iaitu Melaka, Sarawak dan Sabah. Buat masa

ini 90 peratus bekalan diperoleh dari Melaka.

“Kekerapan bekalan telur ini diedarkan adalah setiap minggu dan kadar bekalan untuk seminggu adalah sebanyak 1.2 juta. Pada tahun ini, pembekal maklumkan kepada FAMA bahawa kami boleh tingkatkan lagi jumlah bekalan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar melaporkan negara menghadapi ketidaaan bekalan telur yang cukup sehingga mengakibatkan bekalan sedikit itu dijual dengan harga yang jauh lebih tinggi daripada biasa atas alasan bekalan sedikit.

Perkara ini secara langsung menyebabkan pengguna semakin bimbang apabila mereka berkunjung ke kedai runcit, pasar raya dan sebagainya perlu berebut untuk mendapatkan bekalan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

## Pekebun di Cameron Highlands bimbang, hasil strawberi merosot



Pekebun Shaun Kyle menyusun hasil strawberi untuk dijual pada pelanggan.

CAMERON HIGHLANDS: Seorang pekebun strawberi di Cameron Highlands tidak mempunyai pilihan selain membuka ladangnya kepada pelancong demi menampung kehidupan berikutnya kemerosotan hasil buah itu, sejak kebelakangan ini.

Pekebun strawberi Kasimanis, Shaun Kyle, berkata hasil buah itu berkurangan sejak akhir-akhir ini susulan perubahan cuaca.

"Ada masanya suhu meningkat di atas paras 22 darjah (celsius), manakala pada hari lain, cuaca terlalu sejuk. Suhu ideal bagi tanaman strawberi antara 16 dan 22 darjah."

"Iklim terlalu panas akan menyebabkan saiz strawberi mengecil dan kalau terlalu sejuk hasil tidak banyak," katanya kepada FMT.

Baru-baru ini, Kyle membuka ladangnya untuk dikunjungi demi menambah pendapatannya.

"Akhir-akhir ini, kami tidak boleh hanya bergantung kepada pendapatan pengeluaran strawberi semata-mata. Kami mesti mencari jalan alternatif lain untuk mengekalkan perniagaan kami," katanya.



Pemilik ladang strawberi Raju Hill, Selvaraj V, berkata musim tengkujuh dan perubahan iklim menyebabkan cuaca semakin sejuk di Cameron Highlands.

Kyle berkata, banyak tekanan tertumpu kepada ladangnya untuk menyediakan bekalan strawberi mencukupi, sekali gus menyebabkan dirinya bergantung harap kepada pekebun lain demi menampung kekurangan.

Katanya, ada sesetengah pekebun terpaksa mengimport strawberi untuk dijual kepada pengguna.

Dalam pada itu, pemilik ladang strawberi Raju Hill, Selvaraj V, berkata musim tengkujuh ditambah dengan perubahan iklim menyumbang kepada cuaca lebih sejuk di Cameron Highlands, menjurus kepada pengurangan hasil tuaian.

"Corak cuaca hari ini cukup berbeza. Kami pernah menuai hasil antara 200 hingga 300kg strawberi ketika cuaca cerah, namun sejak akhir-akhir ini kami hanya dapat menuai 30kg sahaja dalam sehari," katanya kepada FMT.

Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH), Dilip Martin, berkata kawasan bukit itu terlalu banyak pembangunan dan banyak bukit sekitarnya sudah diratakan.

**"Gunung Jasa kini sudah tiada. Kerajaan membangunkan projek 1Malaysia di sana. Tanah di bandar Ringlet juga dibangunkan untuk projek itu.**



**Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH), Dilip Martin, berkata hasil strawberi terkesan disebabkan perubahan cuaca, selain penebangan hutan di kawasan persekitaran.**

**"Suhu di Cameron Highlands pernah berada antara 16 hingga 17 darjah. Ketika ini, suhu antara 18 hingga 21 darjah dan pada masa depan, mungkin ia meningkat antara 22 hingga 25 darjah," katanya.**

Dilip menggesa kerajaan menghentikan penebangan hutan secara sembarangan di Cameron Highlands bagi menangani kesan perubahan iklim.

Katanya, beliau juga mahu undang-undang berkaitan disemak bertujuan mengenakan hukuman lebih keras terhadap mereka yang terlibat dengan penebangan hutan.

Ketika ini, hukuman pencerobohan hutan dikenakan denda RM10,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Tiga tahun tak untung sebab harga dedak melambung



KOO Yin Cheong (kiri) dibantu anaknya, Koo Kwong Leong di ladang ternakan ayam telur mereka di

TAPAH: "Tiga tahun tiada untung tetapi kami terus bermiaga kerana tak mahu perniagaan ini ditutup. Semuanya disebabkan harga dedak melonjak."

Itu luahan seorang penternak ayam telur, Koo Yin Cheong, 61, di [Ayer Kuning](#) di sini, berhubung kekurangan bekalan telur di

pasaran termasuk di daerah Hilir Perak.

Bercakap kepada Mingguan Malaysia, Yin Cheong berkata, harga dedak untuk makanan ayam iaitu jagung naik daripada RM800 satu tan metrik sebelum ini kepada sekitar RM1,600 satu tan metrik disebabkan penurunan nilai mata wang ringgit kerana dedak diimport dari Amerika Syarikat.

Katanya, harga dedak yang tinggi menyebabkan kos ternakan mereka juga meningkat.

Jelasnya, selain kos meningkat, penternak terikat dengan harga jualan yang ditetapkan oleh kerajaan.

"Ini perniagaan keluarga, sudah berusia 50 tahun. Sebelum ini tiada masalah harga dedak namun sejak kenaikannya yang hampir sekali ganda menyebabkan pengeluaran telur terhad, jika tidak kami rugi besar.

"Sekarang saya terpaksa mengehadkan penjualan kepada pelanggan. Kalau minta 100 papan, saya cuma mampu beri separuh iaitu kira-kira 50 papan supaya pelanggan yang lain juga mendapat bekalan selain saya juga mempunyai lori yang menghantar kepada pelanggan tetap.

"Jika diikutkan sukar untuk kami bertahan disebabkan kenaikan harga dedak tapi teruskan juga kerana tidak mahu perniagaan ini ditutup," katanya ketika ditemui semalam.

Yin Cheong berkata, selain itu, langkah kerajaan menetapkan harga siling telur di bawah barang kawalan menjaskan keuntungan kerana kos ladang lebih tinggi daripada harga siling ditetapkan.

Katanya, sebagai contoh kos untuk sebijji telur ayam gred A ialah kira-kira 50 sen sedangkan harga siling yang ditetapkan bagi telur ayam gred A ialah 42 sen sebijji.

Jelasnya, kos yang sama terpaksa dikeluarkan untuk telur gred B dan gred C iaitu pada kos 50 sen sedangkan harga subsidi telur gred B ialah 40 sen manakala telur gred C ialah 38 sen sebijji.

"Dengan keadaan itu bagaimana kami nak tampung kos pengeluaran. Ini menyebabkan bekalan telur dan ayam berkurangan di pasaran," katanya. – [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Dedak tempatan boleh bantu turun harga ayam



INSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan penyelidikan menggunakan pelbagai sumber tanaman dan bahan sampingan pertanian bagi mengurangkan kebergantungan ke atas bahan dedak import seperti jagung dan mil kacang soya. – UTUSAN/PUQTRA HAIRY

FORMULA Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli bahawa kalau ayam mahal, kurangkan makan ayam adalah

hipotesis mudah dalam ekonomi. Maksudnya, kenaikan harga akan mendorong kepada pengurangan permintaan. Ini bermakna, tinggi permintaan, maka tinggilah harga dan jika kurang permintaan maka harga akan lebih murah.

Formula yang sama pernah disarankan oleh bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek; bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar sebelum ini adalah benar namun ketika itu mereka dihentam oleh pembangkang terutama Rafizi sendiri.

Namun apabila beliau dalam Kabinet, formula yang dahulunya dikecam teruk digunakan sekali gus ‘disucikan’.

Sebenarnya formula ini tidak salah dari segi ekonomi, namun rakyat sangat tidak menyukainya kerana mereka mahu kerajaan mencari penyelesaian tuntas, bukannya meletakkan semula kepada rakyat dengan menyuruh itu dan ini demi menurunkan harga.

Menyekat pembelian sesuatu barang keperluan adalah langkah masa pendek. Sampai bila rakyat perlu menahan diri dari membeli ayam sedangkan jika dilihat punca utama kenaikan harga ayam adalah orang tengah dan penternak terpaksa menanggung kos peningkatan operasi apabila dedak ayam iaitu jagung yang diimport dari luar negara tidak berkualiti hingga menjadikan pembesaran ayam lambat.

Oleh itu, mengapa tidak kerajaan merancang untuk mengkaji dan menghasilkan dedak ayam tempatan untuk skala besar. Ini dapat membantu mengurangkan harga pasaran ayam sekali gus membuka ruang perniagaan untuk kita mengeksport pula ke negara luar. Namun, pastikan keperluan dalam negara dipenuhi terlebih dahulu.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menawarkan formula baharu untuk pemain industri bagi menyelesaikan masalah berkaitan tumbesaran dan kesihatan ayam sehingga menyebabkan bekalan bahan makanan itu terjejas.

Tetapi difahamkan syarikat-syarikat pembuatan dedak ayam atau makanan ternakan sudah mempunyai formula tersendiri menyebabkan mereka sukar untuk beradaptasi atau ‘tidak berminat’ dengan teknologi ditawarkan MARDI.

Jadi mungkin kerajaan boleh memainkan peranan dengan berani untuk menggalakkan industri berubah, namun perlu dipastikan bahawa protein dan tenaga yang ada dalam dedak ayam setanding atau hampir sama dengan yang diimport sebelum ini.-UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/1/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Kawalan harga punca telur, gula, minyak masak dan tepung selalu kurang



Mekanisme baharu perlu diperkenalkan dalam mengawal harga barang keperluan.

KUALA LUMPUR – Peniaga berpendapat kawalan harga dan penetapan harga siling telah menyebabkan telur, gula putih, minyak masak dalam paket dan tepung selalu berlaku kekurangan di pasaran.

Susulan daripadanya, peniaga juga berpendapat kerajaan harus menilai semula mekanisme kawalan

harga yang sudah ketinggalan zaman.

Presiden Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng berkata, semua barang yang berdepan kekurangan pada masa ini adalah barang kawalan termasuk telur, gula, minyak masak berpaket dan tepung.

Katanya, barang yang harganya tidak dikawal pula mempunyai stok yang cukup.

Jelasnya, kekurangan berlaku kerana harga barang kawalan yang lebih murah mendorong pembeli menumpu perhatian untuk membeli barang berkenaan.

“Pembelian barang murah merupakan sifat semula jadi pengguna dan peniaga tidak boleh mengawal trend ini.

“Walaupun peniaga menetapkan satu keluarga hanya boleh membeli tiga paket minyak masak, tetapi terdapat ramai ahli dalam satu keluarga dan mereka juga boleh membeli di kedai-kedai berlainan,” katanya kepada *Nanyang Siang Pau*.

Chee Meng berkata, walaupun bekalan minyak masak bersubsidi telah ditingkatkan daripada 60,000 tan sebulan kepada 70,000 tan sebulan, tetapi barang itu masih kekurangan stok.

Katanya, keadaan itu adalah tidak munasabah kerana berdasarkan populasi Malaysia sebanyak 32 juta orang, keperluan minyak masak hanyalah 45,000 tan sebulan.

Tambahnya, lebih 20 peratus keluarga juga tidak menggunakan minyak bersubsidi, tetapi membeli minyak berjenama lain.

“Oleh itu, kenapa 70,000 tan minyak masak masih tidak mencukupi?

“Ini merupakan soalan matematik yang mudah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup perlu menilainya,” kata Chee Meng.

Beliau mencadangkan kerajaan menilai untuk menggerakkan harga terapung mengikut pasaran, tetapi menyediakan kupon pembelian atau kupon diskon kepada golongan sasaran.

**Ujarnya, cara itu lebih dapat membantu golongan B40 dan lebih berkesan untuk mencapai penghapusan kemiskinan. – MalaysiaGazette**



YAHAYA dari Kampung Lubuk Perik, Kuala Berang, Hulu Terengganu melihat sarang kelulut yang dapat diselamatkan akibat banjir. - Gambar NSTP/NADZIR HAFIZIN

## Reda 48 sarang kelulut dihanyut bah

Menurutnya, kedudukan kampung yang sering dilanda banjir mengejarnya untuk lebih berhati-hati selepas ini untuk menempatkan sarang kelulut di kedudukan lebih tinggi supaya tidak terjejas sekiranya berlaku banjir.

Katanya, untuk mendapatkan sarang biasanya dia akan membeli daripada penduduk setempat sebelum sarang itu ditempatkan di pekarangan rumahnya. "Kebiasaannya, satu sarang boleh mengeluarkan antara 500 gram hingga dua kilogram madu dan ia dipungut antara bulan Januari hingga Oktober," katanya.

"Barjur yang berlaku dua kali pada tahun lalu amat besar kerana kedalam air agak tinggi dan tidak seperti tahun-tahun sebelumnya hingga saya tidak sempat menyelamatkan kelulut yang berada bersebelahan rumah," katanya.

"Namun, dengan baki 15 sarang yang tinggal hasilnya tidak begitu banyak namun saya bersyukur kerana masih ada sarang yang dapat diselamatkan walaupun sebahagian berlalu."

Yahaya berjaya membuat rancangan besi dan meletakkan sarang kelulut di atasnya bagi mengelak bertulunya kerugian sekiranya berlakunya bencana banjir.

Menurutnya, ketika sibuk mengalihikan barang di dalam rumah berikut lemah berkenaan, katanya.

Katanya, dia menterak dua spesies lebah kelulut iaitu Itama dan Thoracica namun sarang lebah yang dilekatkan di atas bongkah batu diranayitkan tidak sempat mengalih ke-

semua sarang kelulut hingga dihanyutkan banjir.

"Sekiranya sarang kelulut tidak rosak penduduk harus menjual madu kelulut boleh menecahkan RM4,000 namun bergantung kepada madu yang terhasil.

"Namun, dengan baki 15 sarang yang tinggal hasilnya tidak begitu banyak namun saya bersyukur kerana masih ada sarang yang dapat diselamatkan walaupun sebahagian berlalu."

**Hasil merjual madu kelulut boleh mencapai hingga RM4,000**

Yahaya berkata, walaupun mengalami kerugian namun dia menganggap ia sebagai satu cabaran buatnya dan akan terus berusaha kerana bidang pertanian dan perternakan memberi sumber rezeki buatnya.

"Kebiasaannya, satu sarang boleh mengeluarkan antara 500 gram hingga dua kilogram madu dan ia dipungut antara bulan Januari hingga Oktober," katanya.

Menurutnya, ketika sibuk mengalihikan barang di dalam rumah berikut lemah berkenaan, katanya.

Katanya, dia menterak dua spesies lebah kelulut iaitu Itama dan Thoracica namun sarang lebah yang dilekatkan di atas bongkah batu diranayitkan tidak sempat mengalih ke-



banjir.

"Barjur yang berlaku dua kali pada tahun lalu amat besar kerana kedalam air agak tinggi dan tidak seperti tahun-tahun sebelumnya hingga saya tidak sempat menyelamatkan kelulut yang berada bersebelahan rumah," katanya.

"Namun, dengan baki 15 sarang yang tinggal hasilnya tidak begitu banyak namun saya bersyukur kerana masih ada sarang yang dapat diselamatkan walaupun sebahagian berlalu."

Yahaya berjaya membuat rancangan besi dan meletakkan sarang kelulut di atasnya bagi mengelak bertulunya kerugian sekiranya berlakunya bencana banjir.

Menurutnya, ketika sibuk mengalihikan barang di dalam rumah berikut lemah berkenaan, katanya.

Katanya, dia menterak dua spesies lebah kelulut iaitu Itama dan Thoracica namun sarang lebah yang dilekatkan di atas bongkah batu diranayitkan tidak sempat mengalih ke-

## Perkasa sosioekonomi, pendidikan belia India

**SAUDARA PENGARANG,**

SAYA menyambut baik pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membentangkan Belanjawan 2023 pada 24 Februari ini.

Menggunakan kesempatan ini, saya ingin mencadangkan kepada Perdana Menteri agar mempertimbangkan beberapa perkara membabitkan kepentingan masyarakat India untuk dimasukkan dalam Belanjawan 2023 kelak.

Antaranya, penubuhan semula Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India yang berperanan sebagai badan pemantau pelaksanaan dasar-dasar pembangunan berkaitan masyarakat India yang harus dipengerusikan oleh Anwar sendiri.

Penubuhan semula jawatankuasa ini akan membantu kerajaan menyelaras dan mengurus pembangunan sosioekonomi kaum India secara lebih bersasar.

Jawatankuasa itu pernah ditubuhkan sebelum ini, namun timbul pelbagai persoalan dari segi keberkesanannya terutama berkaitan penyelaras kerjasama membabitkan pelbagai kementerian.

Selain itu, Perdana Menteri diharap meneliti pengoperasian Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) di bawah Jabatan Perdana Menteri terutama dari aspek pengagihan peruntukan RM100 juta setiap tahun.

Kita semua maklum bahawa sebahagian besar dana yang diperuntukkan sebelum ini diajukan dalam kalangan pelbagai pertubuhan, persatuan dan syarikat tanpa meneliti impak projek tersebut terhadap kumpulan sasaran.

Dalam soal ini, saya dengan rendah diri ingin mencadangkan agar peruntukan MITRA digunakan untuk pemerkasaan masyarakat India secara langsung.

Misalnya, golongan berpendapatan rendah (B40) kaum itu diberikan subsidi perkhidmatan internet untuk meningkatkan

kesinambungan digital mereka.

Inisiatif pembangunan usahawan muda komuniti India dalam pelbagai sektor juga satu lagi aspek yang harus diberi tumpuan. Saya memohon kerajaan agar menyediakan dana pembangunan keusahawanan bersasar, misalnya melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanian.

Ini kerana sektor pertanian mempunyai penglibatan usahawan muda India yang tinggi pada masa kini. Penglibatan Jawatankuasa Kabinet Masyarakat India selaku pemudah cara pasti melancarkan proses usahawan muda mendapatkan dana-dana bantuan melibatkan pelbagai kementerian.

Di samping itu, bantuan-bantuan sedia ada untuk tujuan pembangunan usahawan India seperti Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) dengan jumlah peruntukan RM25 juta wajar diteruskan dengan peningkatan dana berbanding tahun-tahun sebelum ini agar lebih ramai usahawan kecil dan sederhana kaum itu menerima manfaat.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada Perdana Menteri supaya memberi tumpuan tambahan pada aspek pendidikan kaum India.

Ini terutama soal peruntukan penyelenggaraan dan pengurusan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), peluang penempatan pelajar kaum India lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam program matriculasi dan universiti awam.

Bagi peruntukan penyelenggaraan dan pengurusan SJKT misalnya, jumlah diperuntukkan untuk tujuan tersebut dalam Belanjawan 2023 nanti wajar dinyatakan secara jelas selaras dengan nilai ketelusan yang menjadi agenda utama pentadbiran kerajaan perpaduan.

**DATUK SIVARAJ CHANDRAN**  
Kuala Lumpur



SEKTOR pertanian mempunyai penglibatan usahawan muda India yang tinggi pada masa kini termasuk tanaman cili.

# Nota: Isu telur dan Laissez-faire

## Bahan politik

HARI ini kita berhadapan dengan isu ekonomi. Rantain permasalahan yang bermula sejak PKP, masih belum selesai hingga saat ini.

Harga naik di seluruh dunia, dijadikan bahan oleh para pembangkang ketika itu, untuk berteori dan beridealisme.

Namun, apabila mereka menjadi kerajaan, masih lagi menguatnya pendekatan kerajaan sebelumnya yang pernah mereka jenakaikan.

## Harga telur

Naik harga. Harga telur tidak stabil dilatarkan berpuncak dari beberapa perkara. Ada yang mengatakan ia bermula dengan perintah telur yang rendah ketika zaman PKP.

Lalu, para pengeluar telur (tauke) mengurangkan operasi pengeluarannya. Iaitu dengan tidak membeli anak ayam dari luar negara, yang digunakan untuk bertelur.

Kalau nak beli pum, perlu ambil masa 5 bulan untuk capai umur boleh bertelur. Jadi, makan masa di situ.

Dalam masa yang sama, anak ayam ini makan dedak yang diperbuat daripada

da jagung dan soya. Harga dedak ni pun mahal.

## Dedak mahal

Dulu, dia pernah panas sebentar itu harganya dedak meningkat. Sebahagiannya, jagung dan soya diimpor dari luar, dan negara pengeluar sport itu terpaksa naikkan harga.

[https://www.facebook.com/100057811231067/p\\_o\\_s\\_t\\_5/24035611033808/?d=1](https://www.facebook.com/100057811231067/p_o_s_t_5/)

Ada yang mengatakan bahawa alasan import dedak kerana kosnya lebih murah berbanding menghasilkan dedak tempatan (local production).

Justeru, apabila negara pengeluar dedak naik harga, maka peningkatan itu menjadinya berganda dan berantai. Ayam pun perlu dedak, anak ayam penelur pun perlu dedak. Maka, semasa yang berkaitan dedak, naik harga (demand and supply).

## Import telur

Kerajaan macam biasa, sayang kat tauke. Risau tauke-tauke telur ini 'membingkus', nanti itu telur semakin teruk.

Kalau kerajaan tak kawal harga, tauke akan jual mahal, dan rakyat lagi sakit kepala. Jadi, kerajaan sayang juga pada rakyat, sebab dah undi mereka.

## Tauke sakit kepala

Apabila dah naik harga, tauke sakit kepala, rakyat lagi sakit kepala. Namun, kerajaan bagi subsidi kepada tauke untuk tumpung semua perkata itu.

Harga dedak difahaman kan masih dan terus meningkat. Subsidi dah tak

dapat tampong sakit kepala para tauke disebabkan kerugian katanya.

Rugi sebab apa? Harga dedak mahal, tapi telur tak boleh jual mahal di Malaysia, sebab kerajaan sekutu (kawan luhu harga). Ya lah, kerajaan lalu diai bagi subsidi dia.

Bagaimana telur jadi tak cukup?

Kalau diukulkan, telur di Malaysia ni cukup saja untuk rakyat Malaysia. Tapi tauke telur, sakit kepala kerana harga dedak import tadi duk naik.

Lalu, tauke-tauke telur tadi, tanak rugi punya patas, ambil jalan dengan eksport telur-telur itu ke luar negara.

Tindakan ini menjadi jadi tak cukup. Tauke ini dan la dapat subsidi. Tapi dalam bisnes, takkan nak rugi.

## Import telur

Kerajaan macam biasa, sayang kat tauke. Risau tauke-tauke telur ini 'membingkus', nanti itu telur semakin teruk.

Kalau kerajaan tak kawal harga, tauke akan jual mahal, dan rakyat lagi sakit kepala. Jadi, kerajaan

ini tak lama bertahan. Berlakunya masalah taruhan. Masalah tanaman membeli kesan kepada pengeluaran. Lalu disebabkan *demand and supply*, harga barang pun meningkat. Pada 1770 perintah itu dibatalkan.

## Laissez Faire

Apa itu Laissez Faire? Laissez Faire adalah salah satu teori yang lahir dari konsep kebebasan kapitalisme. Iaitu semua perdagangan, meski dibebaskan. Biarkan ia beroperasi secara semula jadi. Jalurnya dari Liberalisme Klasik yang memperjuangkan konsep Negative Liberty, iaitu kebebasan itu bermaksud bebas daripada apa sahaja.

Jadi, kerajaan yang amalan Liberalisme Klasik ini tak letak undang-undang banyak-banyak. Ini kerana, undang-undang ni akan sekat kebebasan orang. Jadi, rakyat perlu bebas daripada apa sahaja (*negative liberty*)

## Penindasan

Turgot menyaksikan perindasan terhadap para petani. Hidup miskin. Dikenakan cukai pula. Jadi, belum terfikir nak batu.

Golongan petani ketika itu ditekan oleh golongan bangsawan. Lah, Turgot memperjuangkan supaya wujudinya perdagangan bebas, tatu setiap orang (termasuk para petani) berbas bas berdagang tanpa perlu

komenEditor

## Tiada perubahan: Masalah telur, ayam pun tak mampu selesai

Oleh WAN NORDIN WAN YAACOB



LEBIH dua minggu janji perubahan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perubahan dalam mendepani tekanan ekonomi yang dihadapi rakyat termasuk dalam isu kenaikan harga barang keperluan khasnya makanan.

Yang ada hanya pengumuman 'lawak' Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mengenai pelan dan teori jangan beli di kedai yang mahal sahaja, sedangkan semua kedai jual harga ayam dan telur juga barang lain sememangnya mahal.

Kalau setakat mahu cadangkan beli kedai lain, rasanya ramai lagi yang layak jadi menteri tanpa perlu jadi seperti Rafizi.

Adapun masalah telur yang membelenggu rakyat sejak mutakhir ini juga tidak selesai, semenara kelbat menteri yang menguruskan hal telur ini semakin sepi dan mendiamkan diri, mungkin beliau masih ingat beliau Menteri Pertahanan bartangkali.

Sebelum Pilihan Raya dan semasa kempen PRU-15, PH khasnya cukup lantang mendesak kerajaan menangani kos sara

hidup rakyat dengan pelbagai cadangan dan tidak kurang kecaman. Namun segala cadangan yang kononnya bermasiti hari ini menjadi 'tak cerdik' malah jadi 'lawak' selepas mereka menjadi kerajaan.

Apakah mungkin kerana 'bapa borek anak rintik' Janji Hari Ini Jadi PM, Esok Turun Harga Minyak' tidak mampu menjadi realiti kerana teori yang hanya mampu diungkap semasa kempen dan menghentam ketika kempen.

Selepas menjadi kerajaan segala cadangan semasa pembangkang dahulu tidak valid malah menjadi sebaliknya. Segala teori ekonomi bagi mempertahankan kapitalis, menolak kebijikan rakyat mula terhdang. Malah teori yang memulangkan semula beban kepada rakyat kini diguna pakal.

Agaknya sampai bila masalah ini akan dapat diselesaikan? Apakah tunggu PRU-16 untuk dibерikan janji ditabur bagi menyakinkan rakyat bahawa harga telur dan ayam boleh diturunkan dan bekalan dapat stabilkan?

Apakah teori ekonomi yang bakal dijaja lagi demi memberi alasan demi alasan menghalalkan hujah dan janji kosong mereka ini?

### <> Dari muka 3

melalui para bangsawan. Asasnya seperti sama dengan pelaksanaan kerajaan zaman Francois tadil.

### Percubaan

Pada 1774, Turgot dilantik Menteri Kewangan Raja. Beliau memanuskurkan semua sekatan ke atas industri bijirin yang dikawal ketat. Sebab nak bantu petani pasarkan hasil mereka.

Beliau juga membenarkan import dan eksport antara wilayah, agar beroperasi sebagai sistem perdagangan bebas.

Tapi, apabila hasil tulan yang slow, ia menyebabkan pengeluarannya kurang, harga pun melonjak sampai siling (ceiling). Penilaian pun so-

rokan bekalan. Ada yang eksport ke negara lain kerana untung lebih.

Jadi, bekalan makanan tempatan pun kurang. Ribuan rakyat Perancis kelaparan. Kusuhan berlaku selama beberapa bulan.

Pada pertengahan 1775, kerajaan ambil alih balik. Kerajaan kawal pasaran bijirin, termasuk eksport tadi.

Walaupun permulaannya nampak celar, namun teori ini dikembangkan lagi oleh ahli ekonomi British seperih Smith dan David Ricardo pada zaman Revolusi Industri selepas itu.

Artikel berkaitan:  
<https://www.facebook.com/100051781123067/p/o/s/t/s/30428137974588/?d=n>

MUHAMMAD MUJAHID  
 IR MOHAMMAD FADZIL  
 -26/12/2022

## Bekalan telur, minyak masak peket masih tidak cukup



**ALOR SETAR** – Kerajaan diminta supaya bertindak segera bagi memastikan bekalan barang keperluan termasuk telur dan minyak masak peket mencukupi menjelang Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, kerika ini wujud keimbangan terhadap bekalan bagi dua barang tersebut yang masih dicari pengguna di negeri ini.

Menurut beliau, walaupun bekalan telur di pasar raya besar kembali pulih, namun bekalan di kedai runcit masih meruncing.

"Pada musim cuti sekolah kali ini, kita dapat melihat permintaan telur yang tinggi, tetapi

masih belum mencukupi di negeri ini walaupun kerajaan sudah mengambil langkah membawa masuk telur import.

"Selepas cuti sekolah berakhir, permintaan ke atas telur mungkin menurun, namun permintaan pasti akan meningkat menjelang Tahun Baharu Cina.

"Jadi kita amat berharap agar masalah ini dapat diselesaikan secepat mungkin," katanya selepas melakukan tinjauan harga dan bekalan barang di Pasar Besar Alor Setar di sini semalam.

Sementara itu, peniaga runcit di pasar tersebut, Miftatul Shamsul Mohd Faizi, 36, mengaku peniaga masih sukar untuk mendapatkan bekalan kedua-dua barang tersebut.

Menurut belakiti, bekalan diterima juga terhad sehingga menyebabkan bekalan telur di-hantar pembekal habis dalam tempoh singkat jaitu tidak sampai sehari.

"Keadaan itu menyebabkan pelanggan terutama peniaga makan merungut. Jika mereka dapatkan bekalan telur tiba, pelanggan terutama peniaga makan biasanya akan membeli dalam jumlah banyak sehingga empat atau lima papan, malah ada juga yang sudah buat tempahan awal.

"Telur dan minyak masak merupakan barang bersubsidi.

Disebabkan itu, saya fikir kerajaan perlu mengambil langkah te-

gas untuk memastikan bekalan-

nya mencukupi," katanya.

**KHIRUIZAN RAMLI** mengangkat stok telur untuk diagihkan kepada peniaga di Pasar Besar Alor Setar semalam. – SHAHIR NOORDIN

# Bekalan telur, minyak masak resahkan peniaga

Kerajaan diminta bertindak segera atasasi barang tidak cukup

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
[bhnews@bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

**Alor Setar:** Peniaga di Pasar Besar di sini, mengeluh kerana masih sukar mendapatkan bekalan telur mencukupi secara berterusan daripada pembekal sejak pertengahan bulan lalu.

Peniaga telur mengaku simpati dengan suri rumah dan peniaga kecil yang keharayalan mereka pelanggaran mereka kerana terjejas perniagaan.

Milatul Shamsul Mohd Fauzi, 36, berkata, walaupun pelanggannya tak berhenti mernungut, peniaga telur di pasar itu tidak dapat berbuat apa-apa kerana bekalan diantar pembekal sangat terhad.

"Pembekal hanya hantar telur sekali atau dua kali seminggu dan bekalan pula terhad. Dahulu saya boleh ambil bingka 40 papan, sekarang separuh sahaja. Saya terpaksa hadkan jualan kepada pelanggan. Apabila stok tiba tidak sampai satu hari sudah habis," katanya yang sudah jajan tahun berniaga di situ.

Milatul Shamsul berkata, be-



Milatul Shamsul menunjukkan bekalan telur yang terhad di kedainya di Pasar Besar Alor Setar, semalam.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

tidak mencukupi di negeri ini walaupun kerajaan sudah membawa masuk telur impor.

"Selepas cuti sekolah berakhir permintaan telur mungkin meningkat, namun dalam tempoh dua atau tiga minggu lagi kita akan menyambut perayaan Tahun Baharu Cina lagi."

Katanya, kini wujud kehimbangan terhadap bekalan kedua-dua barang itu.

"Walaupun bekalan telur di pasar raya besar dilihat kembalinya pulih, bekalan di kedai runcit masih meruncing.

"Pada musim cuti sekolah kali ini kita dapat lihat permintaan telur yang tinggi, tetapi

segera bagi memastikan bekalan barang keperluan, termasuk telur dan minyak masak paket mencukupi menjelang sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

"Ketika ini permintaan pasti meningkat dan kita berharap masalah dapat selesai secepat mungkin," katanya ditemui selepas melakukan tinjauan harga dan bekalan barang di Pasar Besar, di sini, semalam.

Deputi Menteri Lingkungan Hidup dan Sumber Air, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohammad Yusrizal Yusoff, berkata kerajaan diminta bertindak

# Petani rugi RM100,000, padi ditenggelami banjir

Oleh NOOR HAYATI MAMAT  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**HULU TERENGGANU:** Seramai 25 pesawah Projek Tanaman Berkelompok Padi Paya Rapat di Kampung Kuala Ping dan Tok La-wit di sini mengalami kerugian hampir RM100,000 setelah tanaman padi yang diusahakan musnah akibat banjir baru-baru ini.

Ketua Unit projek tanaman kelompok itu, Johari Chik, 59, berkata, kawasan sawah seluas kira-kira 48 hektar itu ditenggelami air hingga mencapai dua meter menyebabkan kira-kira 50 peratus tanaman padi rosak.

Menurutnya, sebahagian peta sawah telah selesai kerja-kerja menabur benih padi seawal November lalu dengan jangkaan hasil dapat dituai sekitar Mac atau April tahun ini.

“Hasil tujuan dianggar-

\* kan antara 160 hingga 180 tan padi dengan nilai hampir RM200,000. Namun akibat banjir banyak tanaman rosak, kerugian sekitar 50 peratus.

“Ada petak sawah dipenuhi lumpur rebah hingga tenggelamkan benih padi yang baharu tumbuh. Jangkaan awal hasil diperoleh nanti cuma sekitar 50 hingga 80 tan sahaja.

“Keadaan ini tentunya akan jejaskan pendapatan pesawah.



**SHAMSUDIN Mat Zin (kanan) menunjukkan tanaman padi yang musnah akibat banjir di Kampung Kuala Ping**

Bagi seorang lagi pesawah, Siti Habsah Mamat, 62, yang menanam padi sejak 1975, setiap kali banjir besar melanda dia alami kerugian antara RM2,000 hingga RM13,000. Katanya, walaupun saban tahun berderdepan situasi berkenaan namun dia tidak putus asa untuk terus usahakan tanaman padi sebagai sumber pendapatan selein sudah begitu sedih dalam dirinya.

“Sepanjang musim tengkujuh ini sudah empat kali petak sawah ditenggelami air termasuk ketika banjir besar baru ini akibat limpahan Sungai Telemong dan Sungai Ping.

“Perak sawah saya dipenuhi

lumpur dan kerja-kerja membaik perlu dilakukan semula sebelum tabur benih padi baharu, semua ini perlu kewarkan duit,” jelasnya yang usahakan tanaman padi sejak 20 tahun lalu.

Banjir baru-baru ini lebih besar berbanding 2014 dan jumlah kerugian agak besar,” katanya disini semalam.

Pesawah, Shamsudin Mat Zin, 54, berkata, dia kerugian RM3,000 setelah tanaman seluas 0.8 hektar diusahakan mustahsen sepenuhnya.

“Saya ‘berputih mata’ apabila dua tan padi dijangka dituai Mac ini dengan anggaran pendapatan RM2,500 sekadar mimpikan

# Greenhouse provides therapy, source of income to students with cerebral palsy

By REMAR NORDIN  
[remar.nordin@thestar.com.my](mailto:remar.nordin@thestar.com.my)

AN AGRO THERAPY greenhouse at the Johor Cerebral Palsy Association (JCPA) centre is set to benefit 90 students.

JCPA chairman Tunku Fatimah Faridah Tunku Osman said the greenhouse was donated by Johor Corporation's (JCorp) plantation unit, Kulim (M) Bhd, to encourage hands-on learning.

"This project will also help us earn an income and become self-sustainable," she said in her speech at the agrotherapy greenhouse handover ceremony at JCPA in Jalan Dato' Menteri, Johor Baru.

Tunku Fatimah Faridah said Johor Agriculture Department would also provide training to the students and staff.

"At the moment, lettuce will be planted in the greenhouse.

"It will take about a week before it can be harvested and sold," she said.

She added that the vegetables would be sold to the public and parents of the students.

Kulim managing director Mohd Faris Adli Shukery said the project replaced the old JCPA greenhouse on the same plot.

"We have been a close partner of JCPA, and previously donated MD2 pineapple harvested from our plantation in Ulu Tiram.

"We hope the greenhouse project can help JCPA develop an income stream through the sale of the produce grown."


"The greenhouse is able to produce more than 600 fruits and vegetables at one time," he said.

JCorp Foundation chairman Rozaini Mohd Sani said the greenhouse, which costs around RM40,000, was developed in line with its environmental, social and governance agenda.

"We aim to support programmes that involve the community with a focus on education, upskilling and improving people's livelihood," he added.



Tunku Fatimah planting lettuce to signify the launch of the Johor Cerebral Palsy Association's agrotherapy greenhouse.



Headline	Mini budget and egg, rice and meat		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	03 Jan 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	633 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,962
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,886



**南洋商报** 2023年1月3日●星期二 **2023 财年第一季预算案和蛋米肉** **财经** **BUSINESS NEWS** **A2**

**丹斯里吴添泉**  
马来西亚中华大会堂总会[华总]总会长  
亿利达控股有限公司集团执行主席

## 迷你预算案和蛋米肉

毫无悬念的，由首相兼财长在上月20日，也就是新政府在新届国会于前一天（19日）通过“信任动议”后，所提呈的“2023年迷你财政预算案”获得一致通过，让第十任首相安华无惊无险的在国会殿堂，顺利通过了其政治和经济两大考验。

配合本月1日生效的迷你预算案，财长当天提呈总额达1077亿1867万6650令吉的2022年鑑，单拿出10亿令吉（法案，或今年的6个月费用包括空勤公务员薪酬、公用事业、教育医疗、福利奖励等用途）。

迷你预算案主要目的是在政府在去年杪提呈了今年度预算案过后便解散国会，隔了一个多礼拜“趁新届政府还没来得及通过”，作为应对通胀和经济放缓，并准备在下月再提呈更完整的2023年预算案，寻求通过。

迷你预算案的幅度并不大，宛如之前所提呈的鉴预算案的基调，其中原因之一相信是离不开“两相顾看”的背景，即“团结”了上届必须协调共同完成的新政府，因此此役一役承续了“团结预算案”之内容吧？

这些结构性的措施，包括公务员福利、学生升学和人民就业援助

金、英三社支票34%和M4G中低收入群体的生活等等。

无论如何，当天首相在国会也提出了一些比较新和令人关注的反时时彩布，这包括近日鸡蛋肴到国内供不应求的情况时对症调整免税、博彩公司原本在一年可进行22次的特别开彩减少至8次，以及国家稻米公司的机制等等。

民以食为天，这里，我想谈谈有关迷你预算案的反时时彩，首相所提到的另外两个重要民生问题，那就是鸡蛋和白米。

### 进口鸡蛋飙高之计

虽然财团已从印尼进口鸡蛋、并在内表明，随着农地着手增加来年进口蛋的数量将会增加。以应付佳节期间的高需求，但进口鸡蛋只能是应对燃眉之急的暂时方案，绝对不是长远之计。

国内鸡蛋价格区间浮动育苗

场，因国际饲料价格波动导致成本增加，煮过了法定规定的熟制期限，生产商只好减产或暂时停业，一些养殖户需要从中“接棒补位”。

根据大马禽畜公会的数据，之前我国平均一天可生产3000万个鸡蛋，一个月大约是9亿个，每个月消耗约是35至39仙，饲养成本每只超过40仙，意味着尽管在国内有禁赌，农场也无利可图，还要面对亏损。尤其是一些中小型农场也暂时停止在逃避卖蛋赚钱亏损，再加上国内原有50%鸡蛋产量来自小小型农场，因此单靠大型农场肯定无法满足需求。

另一个数据是，我国是世界上五大鸡蛋出口国之一，占全球4个鸡蛋市场份额之三至四分之一。波兰和美国，对一个鸡蛋出口国而言，今天竟然还要从海外进口鸡蛋，显示出问题的矛盾和严重性。

因此，我强烈建议，政府相关部门应该马上和相关业者及团体代表展开全面对话，并颁布公私深入探讨真正问题所在，而且理性地寻求解决方案，包括可能的话，针对性地临时对蛋底补贴（包括考虑饲料补贴内）予本地农属，或是考虑将鸡蛋归配给份至大爷可食用水平，让农场全面恢复正常生产，提高产量，达到国内供给自足，不需再进口，以免货币外流损失外汇。

### 勿再垄断白米进口

另一个是有关被私有化的国家稻米公司（SIRMA）同意在去年捐献1000万令吉，以及将在今年捐献4000万令吉予国内慈济基金会的津贴。

我们并不反对政府和有关公司达到的这个“初衷为零”，但却希望他们能够以更长远的目标和计划，来善待国家未来的稻米生产和产业发展以及自由进出口问题，包括东马对进口白米的自主权之内。

过去一年来，猪肉产品和粮食可以说是一滩泥浆，至于芋头和板条，跟肉的猪油豆芽食品如雷同。肉丝扣耳朵等，难免用眼睛一瞥，吓一跳。

希望政府关注猪肉的胀，除了正常的进口猪肉之外，也应该关心国内猪肉农面对的问题，例如提供饲料补贴，以帮助该行业者降低成本，避免猪肉价格一再上涨。

另一个没有在情人节会减肥化的国家稻米公司（SIRMA）同意在去年捐献1000万令吉，以及将在今年捐献4000万令吉予国内慈济基金会的津贴。

第一个没有在情人节会减肥化的国家稻米公司（SIRMA）同意在去年捐献1000万令吉，以及将在今年捐献4000万令吉予国内慈济基金会的津贴。

另一个没有在情人节会减肥化的国家稻米公司（SIRMA）同意在去年捐献1000万令吉，以及将在今年捐献4000万令吉予国内慈济基金会的津贴。

过去一年来，猪肉产品和粮食可以说是一滩泥浆，至于芋头和板条，跟肉的猪油豆芽食品如雷同。肉丝扣耳朵等，难免用眼睛一瞥，吓一跳。

希望政府关注猪肉的胀，除了正常的进口猪肉之外，也应该关心国内猪肉农面对的问题，例如提供饲料补贴，以帮助该行业者降低成本，避免猪肉价格一再上涨。

希望政府继续关注猪肉问题，开放对求更稳定、有效、均衡和长远方案化解，以真正惠民、惠商、惠国。